

**Pairin Pertahan Kerusi Parlimen Keningau, DUN Tambunan
Bernama
12 April, 2013**

PENAMPANG, 12 April (Bernama) -- Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Tan Sri Joseph Pairin Kitingan mengumumkan akan mempertahankan kerusi Parlimen Keningau dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tambunan pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) ini.

Beliau juga mengulangi kenyataan, PRU13 ini adalah yang terakhir baginya.

"Ini adalah pertarungan untuk kebaikan semua rakyat di Sabah," katanya kepada pemberita selepas Himpunan Gelombang Biru dan pelancaran jentera Barisan Nasional (BN) Sabah yang bertema 'Tatap BN' di sini Khamis malam.

Pelancaran itu dilakukan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman.

Ditanya mengenai calon yang dikemukakan PBS pada PRU13 ini, Pairin berkata kemungkinan ada muka-muka baharu.

Walaupun muka baharu, rakyat di Sabah harus menyokong calon BN ini demi kelangsungan program transformasi yang dilaksanakan kerajaan negeri dan pusat, kata Pairin yang merupakan 'Huguan Siou' atau pemimpin agung kaum Kadazandusun Murut itu.

"Kita tahu masyarakat bijak membuat penilaian yang tulus ikhlas dengan memberi sokongan kepada kepimpinan BN berbanding pembangkang yang tidak sehaluan apatah lagi pendekatan mereka sukar dipercayai," katanya.

Pada pilihan raya umum 2008, Pairin memenangi kerusi Parlimen Keningau dengan majoriti 4,264 undi mengatasi adiknya Datuk Jeffrey Kitingan yang mewakili Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Kerusi DUN Tambunan pula dimenangi Pairin dengan majoriti 2,781 undi mengatasi Mozes Michael Iking juga daripada PKR.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941386>